



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENYELARASAN MAKLUMAT BERHUBUNG KEJADIAN BANJIR DI NEPAL

PUTRAJAYA, 9 September 2026 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) ingin memaklumkan bahawa semua kenyataan media rasmi berhubung kejadian banjir di Nepal, termasuk penglibatan dan perkembangan operasi Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), hanya akan dikeluarkan melalui Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) bagi tujuan penyelarasan.

NADMA akan terus bekerjasama rapat dengan Wisma Putra dengan menyalurkan maklumat operasi yang telah disahkan dari semasa ke semasa untuk disampaikan melalui satu saluran rasmi sahaja.

NADMA menghargai kerjasama semua pihak dalam memastikan penyampaian maklumat dilaksanakan secara konsisten, teratur dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

TAMAT

Disediakan oleh:

Agensi Pengurusan Bencana Negara
9 September 2026